Peserta-peserta Kursus CePIETSO-BP menjalankan Pemantauan Prestasi di Loji Rintis Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian, Eimas

Peserta Kursus CePIETSO-PCP menjalankan Pemantauan Prestasi.

Peserta Kursus CePIETSO-PCP menjalankan Pemantauan Prestasi.

Peserta-peserta Kursus CePBFO menjalani sesi *hands-on*
di Pusat Latihan Amali Sistem Kawalan Pencemaran Udara.

Peserta-peserta Kursus CePSO menjalani sesi *hands-on*
di Pusat Latihan Amali Sistem Kawalan Pencemaran Udara.

Peserta-peserta Kursus CeSCI menjalani sesi perbincangan
antara kumpulan.

Peserta Kursus CePSWI menjalani sesi praktikal di Eimas.

Peserta-Peserta Kursus CePSWI menjalani sesi praktikal di Eimas.

Peserta-Peserta Kursus *Control of Import Export of Scheduled Waste* menjalani sesi taklimat di Pelabuhan Klang, Selangor.

Peserta-Peserta Kursus CePBFI menjalani sesi pengunaan peralatan di Eimas.

Peserta-Peserta Kursus CePBFI menjalani sesi pemeriksaan peralatan.

Peserta-Peserta Program Sangkutan di Premis Yang Ditetapkan –Pemerolehan di Kuantan, Pahang.

Peserta-Peserta Program Sangkutan di Premis Yang Ditetapkan –Pemerolehan di Kuantan, Pahang.

Peserta-Peserta Program Latihan Penyiasatan Pembakaran Terbuka Bagi Agensi-Agensi Yang Diberi Perwakilan Kuasa, Selangor.

Peserta-Peserta Kursus Pemahaman dan Kemahiran Tangkapan Mengikut Undang-Undang.

Peserta-Peserta Kursus Pemahaman dan Kemahiran Tangkapan Mengikut Undang-Undang.

Peserta-Peserta Kursus Tatacara Pendakwaan dan Prosedur Mahkamah.

Peserta-Peserta Program Sangkutan Luar Negara – *Pollution Control for Intensive Animal Farming*

KURSUS *CERTIFIED ENVIRONMENTAL PROFESSIONAL IN IETS INSPECTION (CEPIETSI)*
PADA 29 JULAI HINGGA 3 OGOS 2016

Sesi pembelajaran teori di Oriental Crystal Hotel, Kajang

Sesi analisis parameter berkaitan di Makmal Pembelajaran E*i*MAS

Sesi analisis parameter berkaitan di Makmal Pembelajaran E*i*MAS

Gambar di loji pandu pengolahan efluen *(IETS pilot plant),* E*i*MAS

SISIPAN NRE

Hari Alam Sekitar Negara 2016

PERISTIWA PENTING DAN PENCAPAIAN DALAM DIARI YB MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR SEKITAR 2015/16

MENGERATKAN HUBUNGAN DI ANTARA KERAJAAN



MEMANTAPKAN PERUNDANGAN ALAM SEKITAR DAN SUMBER ASLI & MENGUKUHKAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

YB. Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengadakan lawatan kerja ke Tapak Perlombongan Bauksit di Bukit Goh, Kuantan, Pahang
Tarikh: 17 Ogos 2015.

Lawatan Kerja Rasmi YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Ke Johor Bahru, Johor Darul Takzim berkenaan Isu-Isu alam sekitar di Negeri Johor

YB. Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar mengumumkan perintah baru Environment Impact Asessment (EIA) 2015 dalam sidang media sempena Lawatan Korporat YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar ke Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tarikh: 13 Ogos 2015

Sidang media bagi Model Rang Undang-Undang Sumber Air Negara (RUU SAN)

Mesyuarat Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (KTN). YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bersama Timbalan Perdana Menteri

Pembentukkan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) (Pindaan) 2015 telah diwartakan dengan tarikh penguatkuasaannya adalah pada tahun 2020 bagi EURO5 Diesel dan 2025 bagi EURO5 Petrol.

YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar turun padang bagi mengatasi aduan mengenai pencemaran disebabkan aktiviti perlombongan bauksit telah mula diterima pada bulan Mei 2015.

Penambahbaikan rangkaian sistem pengawasan kualiti udara, Environmental Quality Monitoring Programme (EQMP) yang dibuat secara Public Private Partnership (PPP).

MENGERATKAN HUBUNGAN DI ANTARA MALAYSIA DAN NEGARA LAIN

Mengetuai delegasi ke Mesyuarat Ke-11 'Conference of Parties to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution'

29 Oktober 2015

Mengetuai Delegasi Malaysia ke COP-11 AATHP dan 13th AMME di Hanoi, Vietnam

Mesyuarat Annual Exchange of Visits (AEV) 24 Oktober 2015 dengan Singapura

Mesyuarat ini merupakan program tahunan peringkat tinggi bertujuan untuk membincangkan isu-isu alam sekitar bersama yang menyentuh kepentingan kedua-dua buah negara.

Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ke-21 (UNFCCC COP 21)

7 – 11 Disember 2015

Kelulusan projek yang penting dan berimpak tinggi kepada rakyat dalam Rancangan Malaysia Ke-11

7 Januari 2016

Perasmian *National Symposium on Marine Pollution Management* di Shah Alam, 18 Januari 2016

Pemusnahan Gading Gajah di Pusat Kualiti Alam

Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ke-21 (UNFCCC COP 21) pada 7 hingga 11 Disember 2015

Persidangan ini diadakan bagi mencapai persepakatan dan komitmen politik di antara ketua-ketua negara dan kerajaan bagi merangka tindakan dalam mengatasi pelbagai topik berkaitan masalah iklim.

YB Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar telah mengetuai delegasi Kementerian Sumber asli dan Alam sekitar ke luar negara bagi menghadiri persidangan UNFCCC yang ke-21 yang telah berlangsung di Paris, Perancis.

RUU ini perlu untuk mengadakan sebuah perundangan yang lebih komprehensif bagi mengambil kira keperluan semasa dan masa hadapan bagi memastikan FRIM dapat menjalankan fungsi-fungsinya dengan efisien.

Atas usaha YB Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar, rang undang-undang FRIM yang telah dimulakan usahanya semenjak tahun 2006 telah diangkat kepada Majlis Jemaah Menteri pada 6 Januari 2016 dan sedang proses persediaan untuk pembentangan bacaan pertama yang dijangka pada 28 Mac 2016

Malaysia-Korea Seminar On Healthy River Basin

17 hingga 18 Februari 2016

Seminar ini adalah anjuran bersama Persatuan Konkrit Malaysia (Concrete Society of Malaysia - CSM), National Hydraulic Research Institute of Malaysia (NAHRIM) dan University of Seoul, Republic of Korea.

University of Seoul menganugerahkan anugerah Research Professors dalam bidang alam sekitar kepada YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.
Penganugerahan ini adalah sebagai pengiktirafan kepada usaha dan sumbangan YB Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar dalam menangani masalah jerebu yang berlaku pada Oktober 2015 melibatkan Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Penyakit layu *Acacia mangium* ini mula dikesan di Sabah pada tahun 2011. Kajian awal menunjukkan kulat *Ceratocystis sp* boleh menyebabkan kematian pokok dalam masa 4 minggu dan ini membawa implikasi serius kepada industri ladang akasia.

Memperuntuk dana RM1.5 juta untuk projek penyelidikan bermula Januari 2016 hingga Disember 2017.

Keperluan penubuhan sebuah Jawatankuasa Geopark Kebangsaan juga adalah berdasarkan syarat baru yang ditetapkan oleh UNESCO. Mana-mana calon geopark yang ingin memohon pengiktirafan sebagai Geopark Global perlu terlebih dahulu diiktiraf sebagai Geopark Kebangsaan selama 3 tahun oleh Jawatankuasa Geopark Kebangsaan atau suatu badan yang setaraf dengannya, di samping mematuhi syarat-syarat dan peraturan negara. UNESCO juga telah menggariskan peranan Jawatankuasa Geopark Kebangsaan iaitu:

Di rantau Asia Tenggara hanya terdapat 3 geopark global masing-masing di Malaysia, Vietnam dan Indonesia. Dengan menggunakan model Geopark Langkawi dan beberapa geopark global yang lebih berjaya, inisiatif perlu diambil untuk membangunkan beberapa kawasan berpotensi tinggi sebagai geopark kebangsaan dan geopark global di Malaysia. Sebuah Jawatankuasa Geopark Kebangsaan diperlukan dalam memastikan inisiatif pembangunan geopark berjalan lancar dan kualiti sesebuah geopark di Malaysia mematuhi piawai yang ditetapkan oleh Jaringan Global Geopark UNESCO.

Kajian impak pembinaan terusan pengelak banjir terhadap populasi buaya katak (crocodylus porosus) di Taman Negara Kuching (Wetland)

Kawasan Taman Negara Kuching Wetland juga mempunyai populasi buaya paling banyak dengan anggaran 11 ekor setiap satu kilometer sekali gus mengatasi standard antarabangsa iaitu lima ekor per kilometer.

YB Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar sedang mendengar taklimat mengenai Rancangan Tebatan Banjir di Terengganu yang disampaikan oleh Ir. C. Poobalan, Pengarah JPS Terengganu

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan Bilangan 2 Tahun 2016
29 Ogos 2016
Bilik Mesyuarat Mutiara, Aras 13, NRE

Sambutan Ulangtahun Dan Pelancaran Akta FRIM
8 Oktober 2016
FRIM, Kepong

Penganugerahan Professor Kehormat kepada YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar
17 Februari 2016
Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur

Amaran Banjir

Penggera Dan Isyarat Kecemasan di Cameron Highland

SOROTAN...

Hari Alam Sekitar Negara 2016

Keratan Akhbar

A man who walks the talk

To mark National Environment Day on Oct 22, *Sunday Star* gets personal with Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar about issues close to his heart – keeping Malaysia green and keeping its people united.

By CHRISTINA CHIN
sgchris@thestar.com.my

AT 70, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar is sharper than most folks half his age. And, he looks it, too.

Despite his office in Putrajaya being rather warm, the Natural Resources and Environment Minister almost always looks dapper in a tailored suit.

Over two decades in politics has seen the Santubong MP from Kampung Pendam, Sarawak, transition from a public works technician to a policeman, lawyer, Deputy Speaker and Deputy Home Minister, before assuming his new role in July last year.

Since the self-described "emotional poet" took over the ministry, he's been busy beefing up the country's environmental laws. From water security and clean air to biodiversity protection, Dr Wan Junaidi has been going through tomes of archaic legislation with a fine tooth comb.

"There will be many more laws coming up, I can assure you," he says. Clearly the man means business.

Malaysia, he says, can hold her head up high against neighbouring countries because "we're signatories to many major regional and international treaties and conventions". But with his legal background, Dr Wan Junaidi knows only too well that the devil is in the details.

The problem, he says, is that we haven't translated these commitments into local law. Look at biodiversity protection, he says. "We're a party to the biodiversity convention but we don't have a law protecting our own backyard. That's why the Access and Benefit Sharing Bill to protect our natural resources is going to be tabled in Parliament next year.

"If we fail to do this, international law cannot become part of Malaysian law. We cannot do something that's beyond the laws passed by our Parliament. That's why when I was appointed minister, the first thing I did was to look at the laws – many of which were outdated.

"How can something drafted in the 50s, 60s, 70s and 80s deal with the problems of today? Laws are created to solve problems. Once the problems cease to exist or worsen, we must amend the law.

"For example, RM1,000 in the 1970s was a hefty fine, but today, it's nothing. Courts must be able to impose deterrent sentences. Otherwise, a punishment becomes irrelevant.

"If our laws had been reviewed and updated regularly, it would have solved so many of the issues we're facing today," he says, lamenting how the Land Acquisition Act 1960, Strata Titles Act 1985 and National Land Code 1965 needed urgent attention.

The Land and Mines Department, he says, has incurred the wrath of the *rakyat* because owners of some 300,000 flats and apartments built in the 60s and 70s are without strata titles. People were angry and they blamed the Government.

"I pushed hard for these laws to be amended to make it easier for you to get your strata title, and to make sure that you're compensated if the Government wants to acquire land underneath your home to install public amenities like pipes and cables.

"When you own land surface, you also own everything up to the sky and right to the bottom. You should receive something if there's any underground development by the Government."

You're responsible, too

"But no matter what laws I introduce, or how big my enforcement team is, effective change can only happen with public awareness because how many people can we catch?" Dr Wan Junaidi asks.

The biggest challenge, he feels, is changing public perception. Malaysians don't get how important protecting the environment is. They think it's the Government's job.

Having a comprehensive legal framework and manpower for enforcement are challenges, but apathy's a tougher nut to crack.

"We don't have the capacity to enforce the law as strictly as we want to, so our people don't care. Illegal sawmills are mushrooming – especially in huge states like Sarawak where there are thousands of hectares of land. They think, 'Others are getting filthy rich from timber concessions. Why are they special? What's wrong if I steal a few trees?'"

> Malaysia can hold her head up high against neighbouring countries because we're signatories to many major regional and international treaties and conventions.

Pragmatic approach: While Dr Wan Junaidi has been busy reviewing and beefing up the country's environmental laws, he also wants to see a change in public perception.

A hazy affair

The only way to permanently clear the air of transboundary haze is for Indonesia to ban slash-and-burn activities on agricultural land, Dr Wan Junaidi opines. Otherwise, to contain the haze, they must immediately deploy firefighters when a fire breaks out. He, however, denies that Malaysia is "soft" when dealing with Indonesia.

"The best way to deal with them is diplomatically. We broke the biggest impasse in August when Indonesia committed to the 'haze-free Asean by 2020' roadmap.

"Indonesia had initially refused to get onboard because another country was taking a very confrontational stance. But I told my officers to keep engaging with them. On the morning of the meeting which I chaired, I joked and kept everything light – as if we were among friends. It was such a pleasant surprise when Indonesia finally agreed."

Last year, Singapore passed a law allowing regulators to fine or sue individuals or companies for activities leading to haze in the city-state. And in August, Johor Health and Environment Committee chairman Datuk Ayub Rahmat urged the Federal Government to be firm with Indonesia over the haze issue, questioning whether Malaysians can claim compensation from Indonesia if they fall sick due to the haze, and if we could sue Indonesia.

Explaining how saving face is important among Asians, he says threats of lawsuits will never work.

Nor will interfering with Indonesia's internal affairs.

Proof that the soft approach works is evident this year with Indonesia taking steps to lessen hotspots in the country.

It's been a sunny September with mostly clear skies so far, unlike the hazy days during the same period last year.

Sarawakians fight as Malaysians

Last year, Sarawakian Federal Cabinet ministers came under fire from Sarawak DAP secretary Alan Ling who had called on them to resign for failing to get equal recognition for the state at the national level. But the critics, Dr Wan Junaidi argues, have never been in the Government.

Such accusations are politically motivated, he insists.

"It's sad when people think we're not doing our job just because we don't shout about it. I don't see any DAP YBs coming to ask for projects in my constituency.

"They don't know how much we've contributed. Once we're made a minister, we're part of the federal set-up that administers this country. We look for ways to assist the less-developed states but we cannot just be championing our homestate," he says, stressing that many important projects like the Batang Lupar bridge – which will be the longest bridge in the country once completed, the RM241mil Batang Sadong Bridge that's nearing completion and the RM16bil Pan Borneo Highway have been approved for Sarawak.

He feels it's unfair to compare infrastructure development between the peninsula and Sabah and Sarawak. East Malaysia, he says, has low density population with a huge land mass.

"Sarawak is only slightly smaller than the entire peninsula. The peninsula can have all sorts of roads because there's toll. Here, it's funded by the Government.

"Only once in my political career was I ever disappointed and that was when despite having a Sarawakian Education Minister for two terms, we couldn't even build one school in Sarawak."

Unity isn't propaganda

The doting grandfather's warm hazel-grey eyes light up when he reminisces about the early years. Sarawakians, he says, don't believe in propaganda – unity should come naturally. Having a pagan father live with his Christian and Muslim children in the same house is common there.

And, when Chinese New Year, Christmas or any festive season comes around, everybody celebrates with week long open houses, he says.

"When I was studying in England, all the Sarawakians would sit together. But the Malays, Chinese and Indians from the peninsula would gather in racial clusters."

"Sarawakians don't care about colour, language, culture, religion and labels. It's how we live, it's real."

Quite the charmer, he continued to walk the talk even when it came to dating.

Dr Wan Junaidi, whose wife is Chinese, shows up for every Chinese New Year reunion dinner if he's in town and takes turns with his brother-in-law when it comes to hosting duties.

"Growing up in Miri, my ex-girlfriends were Orang Ulu, Iban and Eurasian. I was very fair and had brown hair. I was quite a good-looking chap. My first Malay girlfriend was an actress from the peninsula. I still have all the pictures," he chuckles.

"As far as Sarawakians are concerned, religion is a personal matter. There is no moral police to tell us what's wrong or right," he says. Isn't that the way it should be?

WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian EQMP antara Azizan Ahmad dengan Pengarah Alam Sekitar Pakar Scieno, Dr. Abdul Rani Abdullah (tiga dari kanan) sambil disaksikan Tan U-Jiun Abdullah (kanan) di Putrajaya, semalam. – UTUAN/RASHID MAHFOF

Maklumat alam sekitar lebih tepat

Oleh SOFIAN BAHAROM
sofian.baharom@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 15 JUN**

MALAYSIA akan menerima maklumat kualiti alam sekitar yang lebih tepat bermula awal tahun depan, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Beliau berkata, perkara tersebut berikutan Perjanjian Konsesi Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (EQMP) yang ditandatangani kementerian dan Syarikat Pakar Scieno Transwater Sdn. Bhd. (Pakar Scieno) di sini hari ini.

Menurutnya, pelaksanaan EQMP itu sekali gus dapat mempertingkatkan keupayaan negara untuk melaksanakan pemantauan kualiti alam sekitar dengan lebih efisien bagi memenuhi keperluan semasa rakyat.

Jelasnya, prestasi pelaporan maklumat tersebut mestilah sekurang-kurangnya 90 peratus pada setiap bulan dan tempoh masa transmisi data selama 10 minit berbanding tempoh transmisi 45 minit pada konsesi lama.

Selain itu menurutnya, kementerian juga memasukkan parameter (PM) 2.5 ke dalam sistem pengukuran indeks kualiti udara (IPU) untuk mengukur habuk halus bersaiz 2.5 mikrometer menggantikan PM10 yang digunakan sekarang.

"Program yang merangkumi pengumpulan data bagi pemantauan kualiti udara, air sungai dan air marin serta pembangunan Pusat Data Alam Sekitar (EDC) ini merupakan inisiatif kerajaan bagi memastikan sistem pengawasan alam sekitar negara lebih komprehensif dan mantap.

"Pelaporan kualiti alam sekitar untuk tiga komponen utama seluruh negara itu bertujuan melaporkan tahap sebenar kualiti alam sekitar negara dalam usaha mencegah serta mengawal pencemaran alam sekitar," katanya ketika berucap dalam majlis berkenaan.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Azizan Ahmad dan Pengarah Eksekutif Pakar Scieno, Tan U-Jiun Abdullah.

Dalam pada itu, Wan Junaidi berkata, Kabinet bersetuju agar Pakar Scieno melaksanakan EQMP untuk tempoh 15 tahun dengan kos kira-kira RM930 juta bagi tempoh lima tahun atau RM62 juta setahun.

Walau bagaimanapun, beliau menjelaskan, setelah beberapa siri perbincangan dan rundingan, kos keseluruhan konsesi tersebut dapat dikurangkan kepada RM855 juta untuk tempoh konsesi selama 14 tahun enam bulan.

Beliau menambah, sebanyak 405 stesen pengawasan kualiti air marin akan turut dibangunkan bagi mengesan pencemaran laut, antaranya diakibatkan oleh tumpahan minyak dan pelupusan haram buangan toksik.

Jelasnya, bilangan stesen pengawasan kualiti udara dan air sungai sedia ada juga ditambah menjadikan jumlah keseluruhan bilangan stesen pengawasan kualiti udara sebanyak 82 buah dan stesen pengawasan kualiti air sungai sebanyak 1,387 buah.

Mahkamah khas kes alam sekitar

Kerajaan bercadang mewujudkan mahkamah khas bagi membicarakan kes jenayah alam sekitar terutama pembakaran hutan secara terbuka.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata pihaknya kini sedang mengkaji pelbagai aspek termasuk denda maksimum hingga RM50,000 yang bakal dikenakan kepada pesalah alam sekitar.

Sehubungan itu, katanya, kementeriannya kini sedang bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara bagi meneliti aspek teknikal perundangan dalam mewujudkan mahkamah itu.

Kerajaan negeri perlu proaktif pulihara alam

BA 16/3/2016

Kerajaan negeri perlu lebih proaktif memastikan alam sekitar terpulihara apabila meluluskan projek pembangunan di negeri masing-masing.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata ini kerana kerajaan bimbang berlakunya kemusnahan alam sekitar akibat projek berkenaan.

Beliau memberi contoh projek akuakultur yang dirancang di kawasan seluas 200 hektar di hutan paya bakau Penaga, Kepala Batas, Pulau Pinang, yang bakal memusnahkan hutan paya bakau di kawasan berkenaan.

"Saya sudah katakan (Jabatan Alam Sekitar) tidak akan luluskan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) untuk projek itu, maka kawasan itu tidak boleh diteroka.

"Kerajaan negeri perlu memainkan peranan melindungi kawasan hutan itu atas arahan Kerajaan Persekutuan kerana penguatkuasaan di bawah kerajaan negeri," katanya.

Wan Junaidi Tuanku Jaafar

Tanam semula pokok spesies terancam

Beliau menjawab soalan Annuar Abd Manap (BN-Sekijang) yang ingin tahu langkah diambil Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam memelihara hutan asli daripada mengalami kepupusan.

Mengulas perkara sama, Wan Junaidi berkata, kementeriannya bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor korporat untuk menanam semula pokok yang dikategori sebagai spesies terancam.

Syor pinda Akta Alam Sekitar 1974

Shah Alam: Akta Alam Sekitar 1974 perlu dipinda kerana sudah lapuk serta tidak sesuai dengan keadaan semasa, khususnya bentuk hukuman terhadap pesalah alam sekitar.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata lebih mengecewakan, undang-undang sedia ada tidak memberi kuasa kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk mengambil tindakan atau membuka kertas siasatan, sekali gus menyebabkan jabatan itu dilihat 'tidak bertaring'.

Katanya, sebagai contoh dalam isu aktiviti perlombongan bauksit di Kuantan, JAS tidak mampu berbuat apa-apa walaupun kesalahan yang dilakukan adalah jelas di depan mata.

"Kuasa JAS ada hanyalah kaji data dan kumpul maklumat... itu sahaja. Begitu juga dalam isu bauksit, sejauh mana yang JAS boleh lakukan? JAS hanya boleh ambil data parameter logam serta sampel yang ada, itu sahaja.

Tiada kuasa menyiasat

"Data dan maklumat yang JAS kumpul ini akan diserahkan kepada kerajaan negeri kerana mereka ada peraturan sendiri pada peringkat negeri. Malangnya kuasa hanya di tangan kerajaan negeri, tetapi peringkat Kerajaan Persekutuan, kita tiada kuasa untuk menyiasat," katanya.

Wan Junaidi Tuanku Jaafar

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Simposium Kebangsaan Mengenai Pencemaran Marin di sini, semalam.

Wan Junaidi berkata, beliau sudah mengarahkan penasihat undang-undang kementerian untuk meneliti akta berkenaan bagi memberi kuasa kepada JAS untuk membuka kertas siasatan terhadap pesalah alam sekitar.

Katanya, ketika akta itu dibuat dahulu, situasi berbeza kerana simpanan hutan masih banyak, manakala aktiviti pembangunannya belum rancak seperti sekarang ini.

Jerebu landa semula Malaysia Jun

Pusat Meteorologi Khas ASEAN ramal kesan mungkin berada pada tahap sederhana

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Malaysia dijangka berdepan masalah jerebu bermula bulan depan hingga Oktober berikutan cuaca panas dan kering di Sumatera serta Kalimantan, Indonesia.

Pusat Meteorologi Khas ASEAN (ASMC) bagaimanapun meramalkan kesan jerebu itu mungkin berada pada tahap sederhana jika berlaku.

Kesan La Nina

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata kesan sederhana berikutan fenomena La Nina diramal berlaku pada tempoh sama yang menyebabkan hujan di beberapa kawasan di Semenanjung.

"La Nina ini juga dijangka akan menyebabkan banjir di beberapa kawasan di Malaysia, termasuk di Pahang, Kelantan dan Terengganu," katanya pada sidang media, di sini semalam. Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Hamim Samuri.

Kaji kesan jerebu

Wan Junaidi berkata, semua kementerian sudah diminta membuat kajian kesan jerebu ke atas ekonomi, kesihatan dan sosial bagi membolehkan datanya dinilai untuk menghadapi gejala itu.

Dalam perkembangan sama, beliau memaklumkan masalah jerebu rentas sempadan antara Malaysia dan Indonesia akan ditangani secara kerajaan dengan kerajaan (G2G), dan akan dimuktamadkan pada 30 Mei ini.

Serentak dengan itu, Wan Junaidi berkata, perjanjian persefahaman (MoU) antara Malaysia dan wilayah Sumatera yang ditandatangani sebelum ini bagi menangani masalah jerebu tidak diteruskan.

Bincang isu dua negara

"Ini kerana kerajaan Indonesia melihatnya sebagai kurang berkesan. Masalah jerebu tidak boleh ditangani secara bersendirian oleh Sumatera tetapi memerlukan pertolongan kerajaan pusat Indonesia.

"Jadi Indonesia memikirkan adalah lebih baik jika apa sahaja kaedah yang kita mahu pakai, ia mesti dibuat secara G2G dan kaedahnya akan dibincangkan kedua-dua negara di Jakarta pada 30 Mei ini," katanya.

Isu dua negara itu turut dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Peringkat Menteri Sub-Serantau (MSC) ASEAN Mengenai Pencemaran Udara Rentas Sempadan Ke-18 di Singapura pada 4 Mei lalu.

Info Jerebu

→ **Indeks Pencemaran Udara (IPU)** Pengukuran habuk yang halus (10 mikron ke bawah) dan beberapa jenis gas (karbon monoksida, sulfur dioksida, nitrogen dioksida dan ozon) yang boleh menjejaskan kesihatan

→ **IPU** 0-50 (baik), 51-100 (sederhana), 101-200 (tidak sihat), 201-300 (sangat tidak sihat), 301-500 (berbahaya)

[FOTO BERNAMA]

***Wan Junaidi (kanan) pada sidang media** di kementeriannya mengenai jerebu, semalam.*

MESSAGE ON THE INTERNATIONAL OZONE DAY BY THE HONOURABLE MINISTER OF NATURAL RESOURCES AND ENVIRONMENT ON 16th SEPTEMBER 2016

DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
MINISTER OF NATURAL RESOURCES AND ENVIRONMENT

Our Earth is protected from the harmful ultra violet (UV) rays of the sun by the ozone layer. The increase of ozone depleting substances, such as Chlorofluorocarbon (CFC), Halon, Carbon Tetra Chloride (CTC), Methyl Bromide (MBr) and Hydrochlorofluorocarbon (HCFC) in the atmosphere has led to the thinning of ozone layer. This subsequently leads to the rise of skin cancer, eye cataracts, weak body resistance to fight diseases and harmfully affects the food chain.

Malaysia has successfully phased out CFCs, Halons and CTC since January 2010. On 1st January 2015, the use of Methyl Bromide as pesticide in agriculture sector, fumigation of post-harvest commodities and structural fumigation was prohibited in Malaysia. However, the use of MBr for quarantine and pre-shipment treatment is allowed to prevent introduction of quarantine pests.

The International Ozone Day is celebrated every year on 16th of September by 197 countries, which are parties to the Montreal Protocol on Substances that Deplete the Ozone Layer. This year the celebration theme is **"Ozone and Climate: Restored by a world united"** and supported by the slogan **"Working towards reducing global-warming HFCs under the Montreal Protocol"**.

The theme reflects collective efforts of the parties to the Vienna Convention and the Montreal Protocol in protecting the ozone layer over the past three decades and the global commitment to combat climate change.

"OZONE AND CLIMATE: RESTORED BY A WORLD UNITED"

RESTORED BY A WORLD UNITED

03. 8000 8000 **www.nre.gov.my**

Kosmo

Kerajaan negeri diminta bertindak proaktif lindungi hutan paya bakau

Jangan musnahkan alam sekitar

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Kerajaan negeri diminta memainkan peranan proaktif untuk memastikan alam sekitar tidak terjejas walaupun terdapat aktiviti pembangunan yang mahu dilaksanakan di peringkat negeri.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pihaknya bimbang dengan kemusnahan alam sekitar yang diakibatkan oleh pembangunan yang diluluskan oleh kerajaan negeri.

Beliau memberi contoh projek akuakultur yang dirancang di kawasan seluas 200 hektar di hutan paya bakau Penaga, Kepala Batas, Pulau Pinang bakal memusnahkan hutan paya bakau di kawasan tersebut.

"Saya telah katakan (Jabatan Alam Sekitar) tidak akan luluskan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) untuk projek itu maka kawasan itu tidak boleh diterokai dan pokok-pokoknya jangan ditebang.

"Kerajaan negeri perlu turut memainkan peranan dalam melindungi kawasan hutan itu berdasarkan arahan dan larangan kerajaan Pusat kerana penguatkuasaan di bawah kerajaan negeri," katanya di Dewan Rakyat di sini semalam.



KERAJAAN negeri diminta melindungi kawasan paya bakau dengan tidak memusnahkannya demi kepentingan alam sekitar. – Gambar hiasan

Sidang Dewan Rakyat

Beliau menjawab soalan Annuar Abd. Manap **(BN-Sekijang)** yang mahu mengetahui langkah-langkah yang diambil oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia untuk memulihara pokok-pokok dalam hutan daripada ancaman kepupusan.

Kosmo! pada 2 Mac lalu melaporkan rancangan sekumpulan individu untuk memusnahkan hutan paya bakau Penaga yang pernah menjadi benteng penghalang bencana tsunami untuk dijadikan projek akuakultur.

KERATAN *Kosmo!* 2 Mac 2016.

Bagaimanapun, Jabatan Alam Sekitar menolak Terma Rujukan untuk Laporan EIA yang dikemukakan Persatuan Penternak Akuakultur Pulau Pinang bagi projek tersebut di hutan paya bakau itu.



BANGUNAN Masjid Negara dan bangunan di sekitarnya kelihatan kabur akibat diliputi jerebu dengan bacaan Indeks Pencemaran Udara 164 setakat pukul 1 petang. Gambar dirakamkan dari Bangunan CIMB di Kuala Lumpur, semalam. – UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Bicara kes berkaitan termasuk pembakaran terbuka yang jadi punca jerebu

Tubuh mahkamah alam sekitar

Oleh RODELIO JUNJUN TAUCAN
rodelio.taucan@utusan.com

■ **KUALA LUMPUR 19 OKT.**

JABATAN Peguam Negara diminta mempertimbangkan cadangan penubuhan mahkamah khas bagi membicarakan kesalahan membabitkan isu alam sekitar terutama aktiviti pembakaran terbuka yang menjadi punca jerebu.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, akta membabitkan kesalahan pembakaran terbuka juga perlu dikaji semula kerana kompaun sebanyak RM2,000 dan denda maksimum RM50,000 yang diperuntukkan sekarang terlalu ringan dan gagal memberi pengajaran kepada syarikat-syarikat besar untuk tidak mengulangi kesalahan sama.

Beliau berkata, dua langkah tersebut perlu untuk memperkasakan sistem penguatkuasaan negara memandangkan rakyat Malaysia telah lama menderita akibat masalah jerebu yang sebahagiannya berpunca daripada aktiviti pembakaran terbuka untuk pertanian dan perladangan tempatan.

"Kalau ada banyak kes, kita kena ada mahkamah khas berkaitan isu alam sekitar, maka kesannya nanti lebih dirasai oleh manamana pihak yang didapati bersalah bukannya sekadar kompaun RM2,000 yang terlalu sedikit, individu pun boleh membayarnya.

"Sebab itu saya mahu undang-undang sekarang dikaji balik dalam soal kompaun dan denda maksimum RM50,000 kerana sangat sedikit, malah selepas perbicaraan, mahkamah mungkin hanya memberikan denda RM20,000," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Masalah jerebu yang melanda negara sejak awal Ogos lalu kembali serius sejak dua hari lalu menyebabkan sesi persekolahan di beberapa negeri terpaksa ditutup selain menjejaskan sektor-sektor lain seperti perniagaan dan industri penerbangan.

WAN JUNAIDI

Jerebu yang berpunca daripada pembakaran terbuka di Kalimantan dan Sumatera, Indonesia itu gagal memberi pengajaran kepada beberapa pihak tidak bertanggungjawab di negara ini yang turut melakukan aktiviti sama sehingga menyebabkan keadaan semakin teruk.

Menurut Wan Junaidi, sebanyak 10 titik panas turut dikesan di seluruh negara manakala pihaknya telah mengambil tindakan kepada 3,000 pesalah membabitkan syarikat perniagaan dan orang awam kerana melakukan pembakaran terbuka.

Sementara itu, katanya, masalah jerebu dijangka berlarutan sehingga pertengahan November depan berikutan kawasan kebakaran hutan yang terlalu besar di Kalimantan dan Sumatera masih gagal dipadamkan.

"Pihak berkuasa tempatan akan meneruskan proses pembenihan awan seperti biasa, namun saya menjangka jerebu hanya selesai pada pertengahan November apabila musim tengkujuh bermula.

"Kebakaran hutan di Indonesia sangat besar, saya tidak yakin api dapat dipadamkan dalam waktu terdekat kerana fenomena cuaca panas melampau yang sedang melanda," jelasnya.

Dalam pada itu, menurut Wan Junaidi, pesawat Bombadier negara yang menjalankan misi memadam kebakaran di Indonesia akan dihantar semula meneruskan operasi atas permintaan negara itu.

"Saya baru dihubungi oleh rakan sejawat di sana yang mahu kita meneruskan bantuan, jadi selepas pesawat itu diselenggarakan, ia akan dihantar balik menjalankan operasi," katanya.

Utusan 2/10/2015

Berlangsung di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur

Sambutan MASM 17 Okt.

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA
pengarang@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 1 OKT.**

WILAYAH Persekutuan Kuala Lumpur dipilih sebagai lokasi penganjuran sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Kebangsaan 2015.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Hamim Samuri berkata, sambutan itu akan diadakan pada 17 Oktober ini di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

HAMIM SAMURI

Menurutnya, MASM juga akan disambut di peringkat negeri dengan dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri dengan kerjasama kerajaan negeri, syarikat swasta, industri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Dengan bertemakan *Ya! Teruskan Gaya Hidup Lestari* program ini diharap dapat memupuk semangat segenap lapisan masyarakat Malaysia dalam membudayakan gaya hidup lestari," katanya.

Beliau berucap dalam Majlis Bersama Media dan Sesi Menandatangani Nota Kerjasama dan Memorandum Persefahaman (MoU) Program Kesedaran Alam Sekitar Prapelancaran MASM Peringkat Kebangsaan 2015 di Marina Putrajaya di sini hari ini.

Dalam majlis itu, Hamim turut menyaksikan sesi menandatangani MoU antara JAS bersama rakan-rakan strategik iaitu YTL Corporation Berhad dan Persatuan Lestari Alam.

Pemeteraian MoU itu sekali gus menjadikan jumlah organisasi yang menjalinkan kerjasama kesedaran alam sekitar dengan JAS sebanyak 245 syarikat setakat ini.

Beliau berkata, MASM merupakan program tahunan yang diterajui oleh JAS dan sempena sambutan kali ke-24 tahun ini pelbagai aktiviti menarik telah disusun untuk memeriahkan sambutan itu.

"Antara aktiviti yang akan diadakan ialah *enviro-hunt*, pertandingan fotografi, *enviro-doodle*, kuiz alam sekitar dan sebagainya. Aktiviti ini dirancang sebagai pemangkin untuk menggalakkan orang ramai melibatkan diri dalam penjagaan alam sekitar.

"Penglibatan orang ramai dalam pelbagai aktiviti dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman yang lebih terperinci mengenai alam sekitar. Saya turut berharap agar pihak media dapat menyokong usaha-usaha ini di samping turut serta dalam aktiviti yang telah dirancang sepanjang MASM ini," katanya.

WAJAH gembira peserta.

MEMBERI peluang peserta mengaplikasikan maklumat daripada pengalaman.

Pupuk kesedaran HARGAI ALAM

80 pelajar sertai perkhemahan Program Rakan Alam Sekitar

Oleh Ruhaiza Rusmin
ruhaizarusmin@hmetro.com.my

Bagi 80 pelajar dari lapan sekolah sekitar Johor, peluang menyertai perkhemahan anjuran Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM) cukup menyeronokkan.

Bukan sekadar perkhemahan biasa kerana mereka perlu meranduk air di Sungai Skudai menerusi Program Rakan Alam Sekitar (RAS) yang dianjurkan sebagai sebahagian daripada Kem Pemimpin Muda Prihatin Air Kebangsaan (Zon Selatan).

Perkhemahan tiga hari sempena Program Hidrologi Antarabangsa Malaysia UNESCO (UNESCO-IHP Malaysia) itu diadakan serentak dengan Perayaan Minggu Alam Sekitar Johor, baru-baru ini.

Program pembelajaran itu diketuai Bahagian Bahan Kimia CCM untuk mendidik generasi muda mengenai kepentingan sumber asli terutama air yang menjadi sumber kehidupan masyarakat dan organisma hidup.

Ia juga bermatlamat meningkatkan kesedaran generasi muda terhadap penjagaan alam sekitar.

Ketua Pegawai Operasi Bahagian Kimia CCM Anuar Kasim berkata, program ini antara mekanisme terbaik mendekatkan pelajar dengan alam sekitar.

Menurutnya, golongan itu perlu didedahkan kepada persekitaran luar bagi membolehkan mereka memahami dan menghargai keindahan alam semula jadi.

"Menerusi eksplorasi seperti ini mereka akan menyedari pelbagai isu yang menjejaskan alam sekitar dan bagaimana boleh memainkan peranan untuk memulihara sumber ini.

"Menerusi RAS, kita bukan sahaja dapat menyuntik kesedaran terhadap isu ini tapi paling penting dapat mendidik generasi muda menyemaikan sikap bertanggungjawab selain membantu mencari penyelesaian," katanya.

Memainkan peranan sebagai saintis, pelajar turut meranduk air untuk melakukan pelbagai eksperimen bagi mengukur kualiti air dan mencari cara menghasilkan enzim menerusi aktiviti Program Saintis Sungai CCM.

Mereka juga mempelajari ekologi dan proses sungai yang terbabit dalam rawatan atau penulenan air.

Aktiviti anjuran bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor itu juga memberi pendekatan holistik kepada pelajar melalui pengetahuan teori dan pengalaman bagi membolehkan mereka memulihara alam sekitar dan melindungi sumber semula jadi.

TETAMU kehormat menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang.

CCM turut mengambil kesempatan menjenamakan semula program itu kepada Rakan Saintis Sungai CCM serta melancarkan logo baru.

Dalam usaha meningkat dan menggalakkan aktiviti bertema alam sekitar di sekolah, CCM menyumbangkan RM1,000 kepada SMK Taman Daya 2 untuk membiayai aktiviti anjuran kelab alam sekitarnya.

Sejak dimulakan pada 2010, program itu disertai lebih 1,500 pelajar.

HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2016

"Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama"

JABATAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
Aras 1 - 4, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli,
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62574 Putrajaya, Malaysia

ISBN 978-983-9795-30-1

9 789839 795301